

Selasa – 22 September 2020

Halaman : 16

2,000 Orang Asli masih bergelap

GUA MUSANG – Lebih 2,000 penduduk Orang Asli Pos Hendrop dan Pos Tuel di sini merayu kepada kerajaan menyediakan kemudahan elektrik di kampung mereka.

Masyarakat Orang Asli suku kaum Temiar itu sehingga kini hanya bergantung dengan lilin, generator dan tenaga solar sejak lebih 60 tahun lalu.

Imam Orang Asli di Masjid Al-Hidayah, Pos Hendrop, Aris Rami, 50, berkata, hanya Pos Hendrop dan Pos Tuel yang terletak di Jalan Gua Musang-Lojing masih tidak mendapat bekalan elektrik 24 jam berbanding kampung Orang Asli lain yang terletak di laluan sama.

Sehubungan itu, mereka berharap kerajaan Perikatan Nasional dapat membantu memandangkan kemudahan itu amat diperlukan oleh penduduk di kawasan tersebut.

"Pos Hendrop dan Pos Tuel merupakan sebuah perkampungan Orang Asli mempunyai kemudahan jalan berturap, namun masih tidak dilengkapi bekalan elektrik.

"Bayangkan penduduk yang mempunyai generator perlu membelanjakan RM20 semalam untuk membeli petrol dan jika dihitung mereka terpaksa menghabiskan RM600 dalam sebulan," ujarnya.

Tambah Aris, masjid di Pos Hendrop dan Pos Tuel juga ter-



ARIS RAMI menunjukkan generator miliknya di Pos Hendrop, Gua Musang.

paksa menggunakan generator sekali gus menanggung perbelanjaan yang tinggi bagi pembelian minyak dan penyelengaraan enjin generator.

Sementara itu, seorang penduduk Orang Asli, Alang Uda, 34, berkata, tidak semua penduduk Orang Asli mampu membeli generator dan situasi itu menyebabkan mereka sudah biasa tinggal dalam keadaan gelap kerana tiada bekalan elektrik.

"Kami masyarakat Orang Asli juga tidak dapat menggunakan peralatan elektrik seperti televisyen, peti sejuk dan kipas.

"Kami tidak tahu berapa lama lagi masyarakat di sini perlu

hidup tanpa bekalan elektrik meskipun sudah 2020," ujarnya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Galas, Mohd. Syahbuddin Hashim berkata, masalah bekalan elektrik di dua buah pos penempatan itu telah dimaklumkan secara rasmi kepada pihak kerajaan sejak beberapa tahun lalu.

Katanya, bagaimanapun, sehingga kini masih tiada penyelesaian berkenaan isu bekalan elektrik di kawasan berkenaan.

"Kita berharap kerajaan dapat segerakan pemasangan bekalan elektrik luar bandar ke Pos Tuel dan Pos Hendrop ini," jelasnya.